

Calon tewas tetap dihukum jika terlibat politik wang

UM 17 APR 2001

KUALA LUMPUR 16 April - Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan calon yang tewas pada pemilihan bahagian bahawa mereka juga tidak terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang jika terbukti terlibat dalam politik wang.

Tegas Dr. Mahathir, tindakan yang sama juga akan diambil terhadap calon yang menang termasuk ketua bahagian dan jika terbukti terbabit, kemenangan mereka akan terbatal.

Malah UMNO, kata beliau, akan memberi kerjasama penuh kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk menyiasat calon terbabit serta memberi tumpuan kepada bukti yang diperoleh pihak polis.

Prinsip UMNO, kata Dr. Mahathir ialah mereka yang terlibat dalam politik wang mengkhianati perjuangan parti dan dengan itu, tindakan keras perlu diambil.

"Ini adalah pendirian yang diso-

kong 100 peratus oleh Majlis Tertinggi (MT)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat parti di sini.

Mesyuarat MT selama tiga jam itu membincangkan secara panjang lebar mengenai pemilihan peringkat bahagian yang telah dan sedang berlangsung.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun secara umumnya perjalanan pemilihan peringkat bahagian adalah baik dan ramai pemenang dipilih tanpa bertanding termasuk melalui rundingan, ada juga proses pemilihan bahagian yang tidak sempurna.

Tindakan tegas

"Ada tuduhan bahawa politik wang telah digunakan.

"(Oleh itu) MT memutuskan bahawa tindakan tegas akan diambil apabila kita dapati bukti jelas tentang penglibatan mana-mana pihak dalam politik wang semasa mereka menjadi calon dan

berkempen untuk mendapat jawatan tertentu," katanya.

Dr. Mahathir berkata, UMNO menerima banyak aduan mengenai politik wang dan ia sedang dikaji oleh Lembaga Disiplin parti yang dipengerusikan oleh Tan Sri Tengku Ahmad Rithaudeen.

"Ia (siasatan) akan memakan masa, mungkin selepas pemilihan bahagian," katanya.

Mengenai tuduhan Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman mengenai politik wang di bahagiannya, Dr. Mahathir berkata, laporan berkenaan telah diterima olehnya dan Abdullah.

"Laporan ini memutuskan bahawa siasatan belum tamat dan mereka tidak dapat memberi apa-apa keputusan sebaliknya akan meneruskan siasatan," katanya.

Mengenai Puteri UMNO, Dr. Mahathir berkata, MT meminta Pergerakan Wanita UMNO supaya turut bergerak aktif membantu

Puteri UMNO menambah bilangan ahlinya.

Selain itu katanya, MT bersetuju supaya semua pihak dalam UMNO memberikan sokongan sepenuhnya kepada Puteri &NO.

Dr. Mahathir turut memberitahu, satu konvensyen untuk anggota veteran UMNO akan diadakan di PWTC tidak lama lagi.

Hormati

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, calon yang memegang jawatan dalam kabinet tetapi tewas pada pemilihan peringkat bahagian UMNO tidak terjejas kedudukannya dalam kerajaan.

Menurutnya, mereka yang kalah perlu menghormati keputusan para perwakilan.

"Yang kalah, kalahlah. Dalam pemilihan, ada yang menang dan ada yang kalah. Kalau setiap kali satu orang kalah, kita nak rombak kabinet, susahlah," katanya.